

KANDUNGAN

	Muka Surat
1.0 Pengenalan	3
2.0 Tujuan	4
3.0 Takrif	4
4.0 Pendaftaran pegawai keselamatan dan kesihatan	4
4.1 Kelayakan pendaftaran	4
4.2 Dokumen permohonan	5
4.2.1 Borang Pendaftaran	7
4.2.2 Fee Pemprosesan	7
4.2.3 Salinan diploma	8
4.2.4 Sijil hadir kursus pegawai keselamatan dan kesihatan	8
4.2.5 Sijil lulus peperiksaan pegawai keselamatan dan kesihatan	8
4.2.6 Gambar berukuran passport	8
4.2.7 Kad Pengenalan	8
4.2.8 Surat pengesahan majikan terkini	9
4.2.9 Surat lantikan kerja dan senarai tugas lengkap	9
4.2.10 Bukti menjalankan tugas	9
4.2.11 Profil majikan	10

NO. DOKUMEN :	PANDUAN PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN	PINDAAN : 11-Jan-13
4.3	Permohonan pendaftaran	10
4.4	Perakuan pendaftaran	10
4.5	Tempoh pendaftaran	10
4.6	Pembatalan pendaftaran	11
4.7	Pembaharuan pendaftaran	11
4.7.1	Kad perakuan pendaftaran	12
4.7.2	Fee pemprosesan	12
4.7.3	Bukti menjalankan tanggungjawab / kewajipan	13
4.7.4	Borang pendaftaran yang lengkap	13
4.7.5	Surat pengesahan majikan terkini	13
4.7.6	Salinan Program Pendidikan Berterusan (CEP)	14
4.7.7	Profil majikan	14
Jadual 1	– Borang Permohonan Pendaftaran Pegawai Keselamatan dan Kesihatan	15
Jadual 11	– Borang Permohonan Pembaharuan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan	16

1.0 PENGENALAN

Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang 29(3) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 yang mana menyatakan bahawa pegawai keselamatan dan kesihatan hendaklah di ambil kerja semata-mata bagi maksud menjamin pematuhan wajar di tempat kerja dan penggalakkan perjalanan selamat kerja di tempat kerja. Manakala di bawah peruntukan undang-undang 29(4) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 yang mana menyatakan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan memiliki apa-apa kelayakkan atau telah menerima apa-apa latihan yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan Warta.

Sehubungan dengan itu, Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997 telah mula dikuatkuasakan pada 22 Ogos 1997. Peraturan ini adalah bertujuan untuk memastikan majikan daripada kelas atau jenis industri yang dinyatakan di dalam Perintah Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan Dan Kesihatan) 1997 mengambil kerja seorang pegawai keselamatan dan kesihatan bagi tujuan pengurusan hal-hal berkenaan keselamatan dan kesihatan tempat kerja. Tugas Pegawai Keselamatan dan Kesihatan merujuk kepada Peraturan 18 di bawah Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997.

Di bawah Peraturan 4 Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997 menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh bertindak sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan melainkan jika dia telah berdaftar dengan Ketua Pengarah. Ketua Pengarah ialah Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

NO. DOKUMEN :	PANDUAN PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN	PINDAAN : 11-Jan-13
<p>2.0 TUJUAN</p> <p>Garis panduan ini bertujuan untuk memberi penerangan mengenai prosedur dan syarat pendaftaran dan pembaharuan pegawai keselamatan dan kesihatan.</p> <p>3.0 TAKRIF</p> <p>3.1 Pegawai Keselamatan dan Kesihatan</p> <p>(Peraturan 7, Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997)</p> <p>3.2 Program Pendidikan Berterusan</p> <p>Merujuk kepada Peraturan 8, Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997 dan Garispanduan Sistem Mata Program Pendidikan Berterusan 2011</p> <p>4.0 PENDAFTARAN PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN</p> <p>4.1 Kelayakan Pendaftaran</p> <p>Kelayakan seseorang yang ingin mendaftar sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan adalah berdasarkan kepada subperaturan 6(1)(a), 6(1)(b), 6(1)(c) dan 6(1)(d) Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997.</p> <p><u>Bagi permohonan pendaftaran pegawai keselamatan dan kesihatan di bawah subperaturan 6(1)(c), (penerangan&kaedah pendaftaran)pemohon hendaklah</u></p>		

mendapatkan kebenaran bertulis (syor) daripada Jabatan terlebih dahulu untuk menduduki peperiksaan pegawai keselamatan dan kesihatan di NIOSH. Hanya pemohon yang lulus peperiksaan tersebut sahaja layak untuk didaftarkan.

Seseorang tidak layak didaftarkan sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan jika pada masa permohonan pendaftaran beliau telah:

- i. Disabitkan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta; atau
- ii. Disabitkan dengan mana-mana kesalahan dan dihukum lebih daripada satu tahun penjara atau denda lebih daripada dua ribu ringgit; atau
- iii. Telah diisytiharkan bankrap.

4.2 Dokumen Permohonan

Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan maklumat seperti berikut -

- 1) Borang permohonan (Jadual I) yang diisi dengan lengkap;
- 2) dua keping gambar terkini berwarna berukuran lesen memandu;
- 3) Fee pemprosesan ;
- 4) salinan kad pengenalan ;
- 5) Salinan diploma keselamatan dan kesihatan pekerjaan atau yang setaraf dengannya dari mana-mana badan professional atau institusi, yang diluluskan oleh Menteri, atas syor Ketua Pengarah beserta transkrip (jika berkaitan);
- 6) Salinan sijil hadir kursus pegawai keselamatan dan kesihatan daripada pusat pengajar yang berdaftar dengan JKPP;
- 7) Salinan sijil lulus peperiksaan pegawai keselamatan dan kesihatan daripada

NO. DOKUMEN :	PANDUAN PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN	PINDAAN : 11-Jan-13
<p>NIOSH;</p> <ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="288 405 1497 607">8) Profil syarikat majikan yang mengandungi maklumat-maklumat seperti Jenis industri, Bilangan pekerja, Kelas industri mengikut Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997, dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan; dan <li data-bbox="288 663 1497 808">9) Nombor pendaftaran kilang/tempat kerja/tapak bina dengan JKKP dan laporan pemeriksaan kilang/tapak bina/audit tempat kerja oleh JKKP; contoh JKJ 17; <li data-bbox="288 864 1497 1010">10) Surat pengesahan majikan terkini dan terdahulu dengan menyatakan tempoh pengalaman atau tarikh mula terlibat dalam bidang keselamatan dan kesihatan; <li data-bbox="288 1066 1497 1155">11) Surat lantikan/kontrak kerja sebagai personal Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (sepanjang tempoh penglibatan); <li data-bbox="288 1211 1497 1357">12) Bagi permohonan yang melalui pengalaman melebihi sepuluh tahun ke atas, sila sertakan pengesahan bagi setiap majikan dalam tempoh tersebut dan salinan HIRARC/JSA yang disediakan sendiri oleh pemohon; <li data-bbox="288 1413 1497 1458">13) Senarai tugas lengkap dan diakui oleh majikan terkini dan terdahulu; <li data-bbox="288 1693 1497 1995">14) Bukti-bukti menjalankan tugas sebagai personal keselamatan dan kesihatan pekerjaan seperti minit mesyuarat JKK, Job safety analysis, laporan audit tempat kerja dan lain-lain. (Bagi sepanjang tempoh penglibatan tuan sebagai personal keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Contoh; 1 salinan minit mesyuarat JKK, Job safety analysis dan Laporan audit tempat kerja untuk setiap tahun);dan 		

NO. DOKUMEN :	PANDUAN PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN	PINDAAN : 11-Jan-13
15)	Salinan sijil-sijil lain yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan atau lain-lain dokumen yang diperlukan bagi pemohonan;	
16)	HIRARC/JSA	
<p>4.2.1 Borang Pendaftaran</p>		
<p>Pemohon dikehendaki mengisi maklumat di dalam borang pendaftaran Jadual I. Borang ini hendaklah dikemukakan semasa permohonan.</p>		
<p>4.2.2 Gambar berukuran lesen memandu</p>		
<p>Pemohon hendaklah mengemukakan dua(2) keping gambar berukuran lesen memandu dengan meletakkan nama dan no. Kad pengenalan di belakang gambar. Satu (1) keping gambar hendaklah ditampal di ruangan yang disediakan di Jadual 1 dan satu (1) keping lagi hendaklah dikepilkan di ruangan yang sama.</p>		
<p>4.2.3 Fee Pemprosesan</p>		
<p>Pemohon dikehendaki membuat bayaran fee pemprosesan sebanyak satu ratus ringgit sahaja (RM100) bagi permohonan pendaftaran. Bayaran hendaklah dibuat semasa permohonan. Bayaran boleh dibuat melalui:</p>		
<ul style="list-style-type: none"> i. E-Payment – <i>Internet online</i> RHB bank (lampirkan salinan resit pembayaran) ii. Wang tunai - hanya di JKPP Ibu pejabat iii. Wang pos/ kiriman wang/ deraf bank atas nama Ketua Pengarah JKPP MALAYSIA 		
<p>Bayaran fee pemprosesan tidak akan dikembalikan jika permohonan di tolak. Pemohon dikehendaki membuat semula bayaran fee pemprosesan bagi permohonan semula.</p>		
<p>Peringatan: Kegagalan menghantar dokumen yang lengkap ; permohonan akan ditolak dan yuran proses tidak akan dikembalikan.</p>		

4.2.4 Kad Pengenalan

Pemohon hendaklah mengemukakan salinan kad pengenalan.

4.2.5 Salinan diploma

Pemohon hendaklah mengemukakan Salinan diploma keselamatan dan kesihatan pekerjaan atau yang setaraf dengannya dari mana-mana badan professional atau institusi, yang diluluskan oleh Menteri, atas syor Ketua Pengarah beserta transkrip.

4.2.6 Sijil hadir kursus pegawai keselamatan dan kesihatan

Pemohon hendaklah mengemukakan salinan sijil hadir kursus pegawai keselamatan dan kesihatan daripada pusat pengajar yang berdaftar dengan JKPP.

4.2.7 Sijil lulus peperiksaan pegawai keselamatan dan kesihatan

Pemohon hendaklah mengemukakan salinan sijil lulus peperiksaan pegawai keselamatan dan kesihatan daripada NIOSH.

4.2.8 Profil majikan

Pemohon hendaklah mengemukakan Profil syarikat majikan yang mengandungi maklumat-maklumat seperti Jenis industri, Bilangan pekerja, Kelas industri

mengikut Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997.

4.2.9 Nombor pendaftaran dengan JKPP Negeri

Nombor pendaftaran kilang/tempat kerja /tapak bina dengan JKPP dan laporan pemeriksaan kilang/tapak bina/audit tempat kerja yang terkini (contoh JKJ 17 atau laporan audit dari JKPP Negeri);

4.2.10 Surat pengesahan majikan terkini

Pemohon hendaklah mengemukakan surat pengesahan majikan terkini yang mengandungi pengesahan jawatan dan pengalaman pemohon.

4.2.11 Surat lantikan kerja dan senarai tugas lengkap

Pemohon hendaklah mengemukakan surat lantikan kerja dan tugas lengkap bagi majikan terkini dan terdahulu. Surat lantikan adalah seperti kontrak kerja/*appointment letter* yang terdapat persetujuan/akujanji di antara pemohon dan majikan. Senarai tugas lengkap adalah senarai maklumat tugas/skop kerja pemohon yang telah disediakan dan disahkan oleh majikan.

4.2.12 Pemohonan pendaftaran bagi 10 tahun pengalaman

Bagi permohonan yang melalui pengalaman melebihi sepuluh tahun ke atas, sila sertakan pengesahan bekerja dalam tempoh tersebut dan salinan HIRARC/JSA yang disediakan sendiri oleh pemohon

4.2.13 Senarai tugas lengkap

Senarai tugas lengkap (*Job Description*) terkini dan terdahulu yang disahkan oleh majikan hendaklah disertakan bersama permohonan.

4.2.14 Bukti menjalankan tugas

Bukti menjalankan tugas adalah bertujuan untuk mengesahkan pemohon berpengalaman dalam bidang keselamatan dan kesihatan. Bagi permohonan baru samada tiga (3) atau sepuluh (10) tahun pengalaman, pemohon hendaklah mengemukakan satu (1) salinan bukti kerja yang berkaitan dengan bidang keselamatan dan kesihatan yang disediakan sendiri oleh pemohon untuk setiap tahun pengalaman seperti minit mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan, laporan bulanan keselamatan dan kesihatan tempat kerja, laporan audit pemeriksaan tempat kerja, laporan aktiviti KKP yang dijalankan di tempat kerja.

4.2.15 Salinan sijil berkaitan

Salinan sijil-sijil lain yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan / lain-lain dokumen yang diperlukan bagi permohonan

4.3 Permohonan pendaftaran

Permohonan pendaftaran baru dan pembaharuan sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan dokumen kepada:

Ketua Pengarah

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia

Aras 2,3 & 4, Blok D3, Parcel D

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 Putrajaya.

4.4 Perakuan pendaftaran

Perakuan pendaftaran sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan akan dikeluarkan oleh Ketua Pengarah JKKP Malaysia kepada setiap pemohon yang telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

4.5 Tempoh pendaftaran

Pendaftaran sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan adalah sah bagi tempoh selama **tiga (3)** tahun, melainkan jika ia dibatalkan terlebih dahulu oleh Ketua Pengarah merujuk subperaturan 13 Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997.

4.6 Pembatalan pendaftaran

Ketua Pengarah JKPP boleh membatalkan pendaftaran jika didapati seseorang pegawai keselamatan dan kesihatan itu pada bila-bila masa:

- a) Telah berhenti menjadi pegawai keselamatan dan kesihatan;
- b) telah disabitkan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta;
- c) tidak memenuhi apa-apa kehendak yang dinyatakan di bawah Peraturan-peraturan ini atau mana-mana perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah subseksyen 29(4) Akta; atau
- d) telah memperoleh pendaftaran melalui salah nyataan atau fraud.

4.7 Pembaharuan pendaftaran

Permohonan untuk pendaftaran pembaharuan hendaklah dikemukakan kepada JKPP Ibu Pejabat sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh dengan mengemukakan butiran seperti berikut -

- 1) Surat dari pemohon beserta alamat surat-menyurat yang terbaru beserta nombor telefon dan alamat email.
- 2) Kad perakuan pendaftaran asal;
- 3) Borang permohonan (Jadua II) yang diisi dengan lengkap;

NO. DOKUMEN :	PANDUAN PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN	PINDAAN : 11-Jan-13
4)	Dua keping gambar terkini berwarna berukuran lesen memandu;	
5)	Fee pemprosesan;	
6)	Surat pengesahan / sokongan majikan terkini yang mengesahkan pemohon masih berkhidmat sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan;	
7)	Profil syarikat majikan yang mengandungi maklumat-maklumat seperti Jenis industri, Bilangan pekerja, Kelas industri mengikut Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997, dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan;	
8)	Nombor pendaftaran kilang/tempat kerja /tapak bina dengan JKPP dan laporan pemeriksaan kilang/tapak bina/audit tempat kerja (seperti JKJ 17 atau laporan audit dari JKPP Negeri);	
9)	Salinan sijil "Program Pendidikan Berterusan" yang dihadiri dalam tempoh kelayakan. Sertakan jadual sistem pengiraan mata mengikut garis panduan Program Pendidikan Berterusan; dan	
10)	Bukti-bukti menjalankan tugas atau tanggungjawab sebagai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan mengikut peraturan 18 dan 19, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997 bagi tiga bulan terkini.	
	<p>4.7.1 Surat dari pemohon.</p> <p>Surat dari pemohon beserta alamat surat-menyurat yang terbaru beserta nombor telefon dan alamat email.</p> <p>4.7.2 Kad perakuan pendaftaran</p> <p>Bagi permohonan pembaharuan, pemohon dikehendaki mengemukakan kad perakuan pendaftaran asal semasa permohonan.</p>	

4.7.3 Borang pembaharuan pendaftaran yang lengkap

Borang permohonan pembaharuan **Jadual II** hendaklah dikemukakan semasa permohonan

4.7.4 Gambar berukuran lesen memandu

Pemohon hendaklah mengemukakan dua(2) keping gambar berukuran lesen memandu dengan meletakkan nama dan no. Kad pengenalan di belakang gambar.

4.7.5 Fee pemrosesan

Pemohon dikehendaki membuat bayaran fee pemrosesan sebanyak lima puluh ringgit sahaja (RM50) bagi permohonan pembaharuan. Bayaran hendaklah dibuat semasa permohonan. Bayaran boleh dibuat melalui:-

- i. E-Payment – *Internet online* RHB bank (lampirkan salinan resit pembayaran)
- ii. Wang tunai - hanya di JKPP Ibu pejabat
- iii. Wang pos/ kiriman wang/ deraf bank atas nama Ketua Pengarah JKPP
MALAYSIA

Bayaran fee pemrosesan tidak akan dikembalikan jika permohonan di tolak. Pemohon dikehendaki membuat semula bayaran fee pemrosesan bagi permohonan semula.

4.7.6 Surat pengesahan majikan terkini

Pemohon hendaklah mengemukakan surat pengesahan majikan terkini yang mengandungi pengesahan jawatan.

4.7.7 Profil majikan

Pemohon hendaklah mengemukakan Profil syarikat majikan yang mengandungi maklumat-maklumat seperti Jenis industri, Bilangan pekerja, Kelas industri mengikut Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997, dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan

4.7.8 Nombor pendaftaran dengan JKPP Negeri

Nombor pendaftaran kilang/tempat kerja /tapak bina dengan JKPP dan laporan pemeriksaan kilang/tapak bina/audit tempat kerja (seperti JKJ 17 atau laporan audit dari JKPP Negeri);

4.7.9 Salinan Program Pendidikan Berterusan (CEP)

Bagi permohonan pembaharuan, pemohon hendaklah mengemukakan maklumat program pendidikan berterusan sepanjang tempoh kelayakan dan mengisi jadual sistem mata merujuk garis panduan Program Pendidikan Berterusan.

4.7.10 Bukti menjalankan kewajipan sebagai SHO

Bagi permohonan pembaharuan, pemohon hendaklah mengemukakan tiga(3) bulan terkini bukti kerja yang disediakan sendiri oleh pemohon dan disahkan oleh majikan seperti laporan bulanan (**Laporan bulanan dalam bentuk rumusan merujuk kepada subperaturan 19(2) Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997**), minit mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan, Laporan audit tempat kerja, dan laporan kemalangan jika ada. Dokumen-dokumen ini hendaklah ditandatangani oleh pemohon dan disahkan oleh majikan.



Klipkan gambar terkini (gambar hendaklah berukuran lesen memandu)

**AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994
PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN) 1997
(Subperaturan 5(1))**

1.0 BUTIR-BUTIR PERIBADI:

- 1.1 Nama (huruf besar):
.....
- 1.2 Jantina : Lelaki / Perempuan
- 1.3 Tempat lahir :
- 1.4 Nama dan alamat majikan :
.....
.....
.....
- 1.5 Alamat rumah:
- 1.6 Tarikh lahir :
- 1.7 Nombor kad pengenalan:
.....
- 1.8 Kewarganegaraan:
.....
- 1.9 Tel. No. (rumah) :
(bimbit) :
- 1.10 Tel. No. (pejabat) :
- 1.11 Fax. No. (pejabat):
- 1.12 Emel :

2.0 PENDIDIKAN DAN PENGALAMAN (Sila lampirkan **salinan** sijil/diploma/ijazah) :

- | | | | |
|-----|------------------------------|------------------|------------------|
| 2.1 | Nama Institusi / Universiti: | Tahun: | Tahap kelayakan: |
| | |hingga..... | |
| | |hingga..... | |
| | |hingga..... | |

- 2.2 Pengalaman bekerja (Sila lampirkan senarai tugas lengkap dan diakui oleh majikan) :
- | | | | |
|--|----------|------------------|---------------|
| | Jawatan: | Tempoh Khidmat | Nama Majikan: |
| | |hingga..... | |
| | |hingga..... | |
| | |hingga..... | |
| | |hingga..... | |

- 2.3 Jenis-jenis latihan lain dalam bidang keselamatan dan kesihatan:
.....
.....

3.0 PENGAKUAN

Saya dengan ini mengaku bahawa butir-butir di atas adalah benar sepanjang pengetahuan saya.

Tandatangan	:	Tandatangan	:
Nama pemohon	:	Nama saksi	:
Tarikh	:	K.P No.	:
			Tarikh	:

Nota: Sila sertakan wang pembayaran yuran pemprosesan dokumen RM100.00 dalam bentuk:

- i. E-Payment – Internet online RHB bank (lampirkan salinan resit pembayaran)
- ii. Wang tunai - hanya di JKPP Ibu pejabat
- iii. Wang pos/ kiriman wang/ deraf bank atas nama Ketua Pengarah JKPP MALAYSIA

Sila pastikan anda mempunyai kad pengenalan MYKAD yang mempunyai logo 64K chip di belakang MYKAD tersebut untuk tujuan sistem pengaktifan MYKAD OYK yang akan dilaksanakan.

JADUAL II



AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN) 1997PEMBAHARUAN PENDAFTARAN
(Peraturan 11)

Tarikh habis tempoh :

1.0 Saya K.P No.

ingin memohon membaharui pendaftaran sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan bagi tempoh tiga tahun yang akan datang.

2.0 Bersama-sama ini dilampirkan maklumat mengenai pendidikan berterusan tentang keselamatan dan kesihatan yang telah saya ikuti bagi tempoh tiga tahun yang lalu.

Tandatangan : Tarikh :

Nama pemohon :

No. Ruj. Pendaftaran :

Nama & Alamat :

Majikan :

.....

.....

No. Telefon (R) :

(P) :

(HP) :

No. Fax :

Emel :

Nota: Sila sertakan wang pembayaran yuran pemprosesan dokumen RM50.00 dalam bentuk:

- i. E-Payment – Internet online RHB bank (lampirkan salinan resit pembayaran)
- ii. Wang tunai - hanya di JKPP Ibu pejabat
- iii. Wang pos/ kiriman wang/ deraf bank atas nama Ketua Pengarah JKPP MALAYSIA

Sila pastikan anda mempunyai kad pengenalan MYKAD yang mempunyai logo 64K chip di belakang MYKAD tersebut untuk tujuan sistem pengaktifan MYKAD OYK yang akan dilaksanakan.